

UMP tubuh pusat penyelidikan

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menubuhkan sebuah pusat penyelidikan dalam bidang urus tadbir korporat ke arah budaya kerja berintegriti untuk dimanfaatkan kepada masyarakat setempat.

Pusat Tadbir Urus & Integriti (FGIC) mendapat penajaan Yayasan Pahang itu mempunyai pakar rujuk bidang berkenaan yang diperakui Institut Integriti Malaysia dan Jabatan Audit Negara.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, ke-

pelbagaian latar belakang akademik staf universiti terutama di bawah Fakulti Pengurusan Industri (FIM) membolehkan kajian interdisiplinari berkaitan urus tadbir dan integriti dilaksanakan melalui platform FGIC.

Menurutnya, pusat tersebut menetapkan sasaran menerajui kegiatan ilmiah dan perundingan bidang terbabit yang bersifat tempatan serta antarabangsa.

“Sembilan objektif ditetapkan mendasari pusat ini termasuk menjalankan kajian, perhubungan industri

dan akademia serta program latihan bagi meningkatkan kefahaman awam terhadap isu berkaitan urus tadbir dan integriti.

“FGIC berharap dapat berkongsi dengan industri produk dan perkhidmatan yang ditawarkan,” katanya pada majlis pelancaran pusat berkenaan, semalam.

Pelancaran disempurnakan Exco Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani Pahang, Datuk Shafik Fauzan mewakili Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.